

TEKS UCAPAN
PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF
YANG DIPERTUA MPSP
DI PROGRAM KESELAMATAN PENDUDUK PANGSA
PPR AMPANGAN PADA 28 APRIL 2012
DI DEWAN ORANG RAMAI, PANGSA PPR AMPANGAN,
AMPANG JAJAR, SPT

Terima kasih Pengacara Majlis.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Dihormati **Tuan Inspektor Mohd. Ilias Bin Jamalludin** Ketua Balai, Balai Polis Seberang Jaya, Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Yang Berbahagia **Cik Sri Husnaini Binti Sofjan**

Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development Corporation (PWDC)

Yang Berusaha **Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia **Encik Mat Nasir Bin Hassan**

Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Yang Berbahagia **Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar**

Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Yang Berbahagia **Cik Zarina Binti Zainol**

Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Yang Berbahagia **Encik Mohammad Noor Bin Che Man @ Harun** Pengurus IM Global Property Consultants selaku wakil ejen pengurusan bangunan

Yang Berbahagia barisan AJK-AJK Jawatankuasa LA 21 Pangsa PPR Ampangan,

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk bersama-sama menghadiri Program Keselamatan Penduduk pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada **Tuan Elias Bin Jamalludin** Ketua Balai, Balai Polis Seberang Jaya, Polis

Diraja Malaysia (PDRM) dan **Cik Sri Husnaini Binti Sofjan** Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development Corporation (PWDC) kerana sudi hadir untuk memberi taklimat keselamatan yang diharapkan ianya menjadi panduan kepada kita semua bagi mewujudkan kejiranan yang selamat dan harmoni di Pangsa PPR ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan khusus kepada Jawatankuasa LA 21 Pangsa PPR Ampangan yang telah berusaha menjayakan majlis pada pagi ini.
4. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang besar ertinya ini. Semasa lawatan saya yang pertama dulu, saya ada melihat keperluan-keperluan yang perlu di pangsapuri ini. Pada bulan hadapan, kita akan membekalkan elektrik kepada perpustakaan pangsapuri ini. Di harap penduduk di sini dapat menggunakan

perpustakaan tersebut dengan sebaiknya. Kita juga memberikan alatan permainan untuk kanak-kanak di sini. Peliharalah ia seperti harta kita sendiri. Saya ingin menjadikan taman ini taman contoh kehidupan berstrata sama ada dalam atau luar negara.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

5. Seperti yang kita semua sedia maklum, PDRM yang begitu sinonim dengan kita, berfungsi untuk menjaga keamanan dan keselamatan awam. Manakala PWDC pula mungkin adalah nama yang agak baru bagi kita di mana *Penang Women's Development Corporation* jika diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu ianya membawa makna Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang yang diterajui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pulau Pinang. Ia ditubuhkan pada November 2011 dan beroperasi pada 3 Januari 2012.

6. Kedua-duanya memainkan peranan yang penting di dalam aspek keselamatan awam, iaitu PDRM bagi memastikan keamanan dan keselamatan awam manakala PWDC salah satu skop tugasnya di dalam Projek Belanjawan Responsif Gender, bertanggungjawab untuk menjalankan bancian awam dari aspek keselamatan di Pangsa PPR Ampangan ini.

7. Suka saya maklumkan di sini bahawa, MPSP juga telah mewujudkan tujuh (7) Fokus bagi tahun 2012 ini dan Fokus 3 di bawah Perancangan dan Pembangunan, program melaksanakan langkah pencegahan jenayah bagi mewujudkan Bandar Selamat. Secara tidak langsung ia dapat membantu mengurangkan indeks jenayah di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

8. Hampir setiap hari, media massa memaparkan berita tentang pelbagai jenis kes jenayah sama ada kecurian, pecah rumah, rompakan bersenjata, penculikan, atau pencabulan wanita. Ternyata aktiviti-aktiviti jenayah pada masa kini semakin bersifat ganas dan berani. Perkara ini dipandang serius oleh kerajaan. Sesungguhnya, penglibatan semua pihak adalah amat penting bagi sama-sama mencegah jenayah, bukan sahaja kepada pihak-pihak berkuasa tetapi juga semua lapisan masyarakat.
9. Justeru itu, tahap keselamatan yang baik bukan terletak di tangan pihak polis semata-mata tetapi ia melibatkan komuniti setempat. Kita memerlukan pihak komuniti yang bersama-sama membantu membanteras jenayah agar negara ini disegani di dunia antarabangsa dengan mempunyai kadar jenayah yang minimum.

10. Penyertaan masyarakat termasuk di Pangsa PPR ini memainkan peranan yang penting di dalam mengawal kegiatan jenayah kerana masyarakat merupakan 'mata dan telinga' kepada pihak keselamatan. Kejiranan yang baik hendaklah diperkukuhkan bagi sama-sama membanteras jenayah yang berlaku di kawasan ini bagi menangani masalah-masalah jenayah di kawasan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

11. Kita hendaklah sama-sama menjadi rangkaian masyarakat setempat yang mempunyai kesedaran untuk mengawasi kejadian yang berlaku di sekitar kawasan kejiranan dan melaporkan aktiviti-aktiviti yang diragui kepada pihak polis. Masyarakat adalah 'mata dan telinga' kepada polis untuk memerhatikan perkara-perkara yang biasa dan juga luar biasa, di samping menjaga keselamatan Pangsa PPR ini. Masyarakat juga boleh bertindak sebagai agensi yang penting kepada pihak polis dengan memberi input ke arah

membangunkan Bandar Selamat. Ia dapat membantu kerajaan memastikan objektif tercapai, selain meringankan beban tugas polis mencegah kejadian jenayah.

12. Pencegahan jenayah khususnya di Pangsa PPR ini memerlukan kerjasama antara penduduk serta agensi-agensi lain seperti polis, NGO dan juga ejen pengurusan serta penduduk bagi memastikan ianya berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

13. Marilah sama-sama kita membuang sifat yang tidak mempedulikan jiran-jiran dan kawasan sekitar. Usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengurangkan kadar jenayah di samping mewujudkan kejiranan dan kawasan tempat tinggal yang lebih selamat.

14. Agenda untuk mengawal dan membasmi jenayah memerlukan usaha yang bersepadu dan bersungguh-sungguh dari semua pihak. Semua pihak mempunyai peranan dan tugas masing-masing dalam usaha memerangi jenayah.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

15. Kita juga perlu menerapkan kepentingan bermasyarakat pada setiap individu. Kepentingan yang boleh diperolehi daripada hidup bermasyarakat termasuk membentuk masyarakat penyayang. Hasil daripada tahap bermasyarakat yang baik ini, secara tidak langsung ia akan mewujudkan tahap kepercayaan antara masyarakat maka ia lebih mudah untuk bersatu-padu dan berganding bahu bagi mencegah dan membanteras kegiatan jenayah.

16. Penduduk di sini perlu sentiasa berpakat menjaga keselamatan dan juga kebersihan kawasan ini dengan mewujudkan satu kerjasama penduduk yang padu, peka dan aktif dalam menangani pelbagai masalah yang wujud. Semangat kejiranan dan persaudaraan perlu sentiasa dipupuk dalam jiwa individu penduduk agar masing-masing bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi secara bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

17. Di kesempatan ini, saya menyeru penduduk bersama-sama dengan Jawatankuasa LA21 boleh mempelbagai aktiviti atau program bagi menggalakkan masyarakat yang sentiasa berinteraksi, mengenali satu sama lain dan membina semangat pemuafakatan yang kuat terutama bagi mencegah dan membasmi apa juga bentuk jenayah di samping dapat mewujudkan sikap kejiranan yang erat dan baik.

18. Jadikan taklimat keselamatan yang akan disampaikan oleh **Tuan Elias Bin Jamalludin**, Ketua Balai, Balai Polis Seberang Jaya sebagai panduan kita bersama dan juga taklimat oleh **Cik Sri Husnaini Binti Sofjan** Ketua Pegawai Eksekutif, PWDC sebagai panduan bagi soalselidik keselamatan bagi mengenalpasti keperluan penduduk dari aspek keselamatan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

19. Pada kesempatan ini juga ingin saya menyentuh sedikit berkenaan tanggungjawab membayar sewa bulanan. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan semua sedia maklum, sewa bulanan bagi unit diduduki di sini adalah RM100 sebulan. Kadar tersebut adalah tidak berubah dari tahun 2006 hingga kini. Oleh yang demikian saya menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian agar menjelaskan sewa bulanan dan tunggakan.

20. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan Program Keselamatan Penduduk Pangsa PPR Ampangan ini dan seterusnya berharap dan sentiasa berdoa agar program yang dirancang ini dapat dijalankan dengan jayanya. InsyaAllah.
21. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya saya merasmikan program Program Keselamatan Penduduk, Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar, SPT.

Sekian, **Wabillahi taufiq wal-hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**